



Pertubuhan Seruan Islam dan Pertubuhan Seruan Kristian

Abdullah bin Abdul Razak, Kubang Panjang, Kelantan,
bertanya: Apa sebab pertubuhan-pertubuhan Kristian menyebarkan agamanya di negeri ini dengan lebih cergas dan di sekolah-sekolahnya lebih lengkap dan lebih cantik, bahkan surat-surat siaran dan buku-bukunya tidak putus-putus dibahagikan dengan percuma. Sebaliknya pertubuhan-pertubuhan Islam jauh ketinggalan. Usahanya lembab, sekolah-sekolahnya menyedihkan dan kucar kacir, dan hampir-hampir tidak ada risalah-risalah dan buku-buku yang menerangkan keelokan Islam yang diberikan dengan percuma?

Jawab: Sebabnya berlaku demikian ialah kerana pertubuhan-pertubuhan seruan Kristian itu mendapat bantuan berjuta-juta ringgit dari badan-badan khairat mereka yang berpusat di Eropah dan di Amerika. Bahkan mereka mendapat bantuan berjuta-juta ringgit pula dari pemerintah Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Padahal pertubuhan-pertubuhan seruan Islam adalah sebaliknya, semata-mata bergantung kepada derma rakyat yang miskin.

Kita - umat Islam di Tanah Melayu – ada banyak kaum bangsawan dan kaum hartawan tetapi sangat sedikit -dari antaranya – yang menjadi kaum dermawan.

Setengah daripada kaum bangsawan dan kaum hartawan kita, bakhil hendak berderma untuk meninggikan kalimah Allah, bahkan setengahnya - *wal'iyādhū billah* - tidak mengeluarkan zakat menurut yang yang sewajibnya. Dalam pada itu mereka pula mujur di dunia, kerana tidak pernah didakwa di mahkamah. Yang

selalu diseret ke mahkamah, didakwa dan dihukum

- kerana tidak membayar zakat fitrah - ialah rakyat biasa, yang dermawan tetapi miskin.

Kita - umat Islam Tanah Melayu - ada ketua-ketua Islam yang menjadi pelindung dan pemegang kuasa agama, tetapi malangnya agama Islam di negeri ini tidak mendapat bantuan sebagaimana yang sepatutnya, bahkan sekurang-kurangnya sebagaimana yang didapati oleh badan-badan dan sekolah-sekolah penziar agama Kristian. Kalau tidak, masakan boleh berlaku - sebagaimana yang terhebah di dalam akhbar tidak berapa lama dahulu - Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan belanja lima belas juta ringgit setahun untuk sekolah-sekolah penziar agama Kristian, sedang di sekolah-sekolah agama (Rakyat) yang menghidupkan ajaran Islam di segenap ceruk kampung dan desa, dibiarkan kucar-kacir dengan tidak mendapat satu sen pun.

Inilah sebab-musabab yang menjadikan usaha penziaran Kristian hidup segar di tanah air kita, berbanding dengan usaha penziaran Islam yang hidup layu di tanah air sendiri.

Kejadian yang menyedihkan ini sudah tentu tidak akan dibiarkan berleluasa seperti keadaannya dalam zaman penjajahan dahulu, baik oleh pihak pemegang teraju pemerintahan yang sudah merdeka atau pun oleh rakyat Islam sendiri.

Atas apa-apa hal pun, kita umat Islam, wajib bersyukur ke hadrat Allah *'azzawajalla*, iaitu walaubagaimana pun kita ditekan dan ditindas tetapi kita tetap setia kepada Islam, dan sentiasa bercita-cita hendak hidup dan mati di dalam Islam.

Songkok Melayu

Ahmad bin Arifin, Balik Pulau, Pulau Pinang,
Bertanya: Apa pertalian songkok dengan keagamaan dan

kebangsaan? Betulkah faham orang tua-tua yang mengatakan:

Bersongkok itu sunat dan orang yang tidak bersongkok itu fasik?

Jawab: Agama Islam tidak menetapkan soal pakaian. Yang ditetapkan oleh Islam ialah aurat lelaki dan perempuan yang mesti ditutup. Bentuk dan jenis pakaian itu terpulang kepada kebijaksanaan sesuatu bangsa, yang sudah tentu dibentuk bersesuaian dengan kebudayaan dan keadaan alamnya. Misalnya: kita dapati pakaian orang di negeri panas tidak sama dengan pakaian penduduk di negeri sejuk. Orang putih bertopi, orang Arab berserban, dan orang Melayu bersongkok, dan berdestar (bertanjak).

Faham orang-orang yang mengatakan: “ Bersongkok itu sunat dan orang yang tidak bersongkok itu fasik”,

tidak betul dari segi agama. Tetapi dapat difaham setakat mana orang tua-tua kita sayangkan pakaian yang menjadi cogan kebudayaan Melayu, dan setakat mana teguh pendirian mereka mempertahankan suatu adat yang baik - adat bersongkok - yang menggambarkan Peradaban Melayu.

Sebelum Merdeka dahulu, songkok Melayu, hanya dipakai oleh orang-orang Islam sahaja, yakni orang Melayu yang semuanya beragama Islam dan orang-orang asing yang memeluk agama Islam di negeri ini. Tetapi sekarang songkok Melayu mulai dipakai oleh orang-orang yang bukan Islam - Cina, Hindu dan lain-lain, yang menyandang jawatan Kerajaan. Peristiwa baru ini memberi gambaran yang jelas bahawa kebudayaan Melayu akan menjadi teras kebudayaan Tanah Melayu yang sudah merdeka dan berdaulat.



Sambutan kemerdekaan Tanah Melayu di Medan Deli. Di tengah-tengah, di bawah bendera Indonesia, kelihatan Tuan Ali Hanifah, di sebelahnya (bersongkok) Tuan Ahmad Baiqi dan Tuan Zulqarnain Ketua Umum Panitia.